

Source: Berita Harian, Page 6

Date: 13 August 2022

## Covid-19 dorong sistem kesihatan cari cara lebih baik: Ye Kung

FARID HAMZAH farid@sph.com.sg

MENTERI Kesihatan Encik Ong Ye Kung berkata wabak Covid-19 telah mendorong sistem jagaan kesihatan untuk memikirkan semula kaedah cara lama, dan lakukannya secara berbeza dan lebih baik.

Pada masa yang sama kakitangan jagaan kesihatan dinasihatkan agar kerja kritikal dan strategik mereka tidak terjejas dek krisis, tambah Encik Ong.

Menyatakan demikian di Majlis Anugerah

Penghormatan Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS) malam semalam, Encik Ong berkata pandemik Covid-19 telah meletakkan tekanan ke atas sistem jagaan kesihatan dan pekerja jagaan kesihatan di merata dunia termasuk Singapura.

"Krisis seperti Covid-19 mendorong kita untuk memikirkan semula kaedah cara lama, dan lakukannya secara berbeza dan lebih baik.

"Ternyata NUHS telah mengubah cabaran itu menjadi peluang dengan

menjadi peluang dengan merancakkan inisiatif bagi menangani keperluan yang kian berubah," ujarnya.

Kata Encik Ong, salah satu daripadanya adalah NUHS mendakap jagaan kesihatan digital.

Ini termasuk telekonsultasi, penghantaran ubat ke rumah, dan transaksi tanpa kontak yang menjadi sebahagian daripada norma baru di NUHS bagi para pesakit yang mendapat jagaan dan perkhidmatan di luar hospital.

Menyentuh tentang satu lagi daya tahan penting, Encik Ong mengingatkan agar pihak jagaan kesihatan tidak biarkan krisis memesongkan kerja kritikal dan strategik mereka.

"Menerusi pandemik ini, NUHS memberi penekanan dengan usaha pembangunan semula kampus Kent Ridge dan Alexandra," tambahnya.

Kampus Kent Ridge yang baru merupakan bahagian penting perluasan prasarana jagaan kesihatan bagi memenuhi permintaan penduduk yang menua, dan menambah nilai kepada kapasiti latihan bagi kakitangan jagaan kesihatan.

Pembangunan semula Kampus Alexandra pula akan mengubah hospital itu menjadi se-

buah hospital umum bersepadu dengan khidmat menyeluruh dalam jagaan bersepadu, perubatan geriatrik, perubatan sokongan dan paliatif, perubatan pemulihan, dan psikologi, serta pembedahan ambulatori.

Di acara itu semalam seramai 80 penerima telah disampaikan dengan Anugerah NUHS, Anugerah NUHS-Mochtar Riady Pinnacle, dan Anugerah Klinisian Kanan Terbilang.

Anugerah-anugerah tersebut juga termasuk pangkat kehormat Konsul-

tan Emeritus kepada 14 klinisian kanan yang meraih pencapaian berkesan sepanjang kerjaya perubatan mereka.

Empat yang lain pula dihargai di atas kepimpinan mereka serta impak transformasi ke atas jagaan kesihatan.

Salah seorang penerima Anugerah NUHS-Mochtar Riady Pinnacle – Anugerah Klinisian Pakar dan Anugerah Berpasukan, Profesor Madya Zubair Amin, merupakan Ketua dan Konsultan Kanan di Jabatan Neonatologi, Khoo Teck Puat – Institut Perubatan Kanak-Kanak Universiti Nasional di Hospital Universiti Nasional (NUH).



**ENCIK ONG YE KUNG**